

# Kesihatan adalah perkara penting

UB 28.4.2019 A5

Oleh SADDAM EDRIS

**KOTA KINABALU:** Jabatan Sains Bioperubatan dan Terapeutik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama sembilan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Inanam mengadakan Program Jom Sihat Bah 4.0 di Dewan Serbaguna Kg Pomotodon, di sini.

Program yang bermula seawal jam 7.30 pagi hingga 12.30 tengahari itu dihadiri oleh Pengurus KRT Nountun selaku Ketua Anak Negeri Inanam Christopher Motogil dan Dekan FPSK Profesor Dr Saffree Jeffree.

Ketika berucap, Saffree menjelaskan program bersifat perkhidmatan komuniti itu diadakan bagi membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Katanya, kesihatan adalah teras utama dalam mewujudkan keluarga bahagia, sejahtera dan selamat.

"Ukuran kebahagian dan keselamatan sebenar sesebuah keluarga tidak hanya dilihat daripada aspek materialistik seperti rumah, kereta, barang kemas dan sebagainya. Sebaliknya, aspek kesihatan adalah perkara utama dan penting. Sesuai

► UMS dan 9 KRT Inanam adakan Program Jom Sihat Bah 4.0



**SAFFREE (tiga kanan) bersama rombongan pengajur program sempat mengunjungi rumah seorang penduduk kampung sambil menyampaikan sedikit sumbangan.**

dengan tema program pada hari ini: 'Jom Sihat Bah 4.0',"

katanya di sini pada Sabtu. Jelasnya lagi, pengisian

program itu juga lebih memfokuskan kepada senamrobik, seminar kesihatan, saringan kesihatan, derma darah, sumbangan amal dan juga cabutan bertuah.

Justeru, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan dan memeriahkan program berkenaan secara langsung maupun tidak langsung.

**“Ukuran kebahagian dan keselamatan sebenar sesebuah keluarga tidak hanya dilihat daripada aspek materialistik seperti rumah, kereta, barang kemas dan sebagainya. Sebaliknya, aspek kesihatan adalah perkara utama dan penting.”**

**PROFESOR DR SAFFREE JEFFREE, Dekan FPSK**